



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR  
07 MAC 2019 (KHAMIS)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Sinar Harian**

- |   |                           |    |
|---|---------------------------|----|
| - | Rumah kucing jadi pejabat | 17 |
|---|---------------------------|----|



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**07 MAC 2019 (KHAMIS)**

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Rumah kucing jadi pejabat
Muka Surat	17

SH 7/3/19 M/S 17 · EDITOR: KHAIRUL AMRI YASIN PENOLONG EDITOR: ASMALIZI

# Rumah kucing jadi pejabat

*Aktivis Jamil Kucing gesa adakan sesi pendengaran awam rungkai isu*

HASNIZA HUSSAIN  
SHAH ALAM

Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Keber tanggungjawaban dan Ketelusan (Selcat) Selangor digesa mengadakan sesi pendengaran awam berhubung kes taman rekreasi kucing yang kini dijadikan pusat khidmat DUN Bukit Antarabangsa.

Aktivis Penyelamat Kucing, Jamil Ismail atau Jamil Kucing berkata, dia bersama Kumpulan Otai Reformis mahu sesi pendengaran awam itu dilaksanakan segera kerana percaya berlaku salahguna di peringkat pihak berkuasa tempatan (PBT) selain terdapat campur tangan politik dalam isu tersebut.

Katanya, dia sudah beberapa kali sebelum ini cuba mendapatkan penjelasan kenapa tapak taman rekreasi kucing seluas 0.8 hektar di Jalan Kerja Lama, Ampang ditukar menjadi pusat khidmat DUN.

Menurutnya, jawapan diperoleh khususnya daripada PBT sangat mengecewakan kerana alasan diberikan terdapat bantahan orang awam menyebabkan operasi taman rekreasi itu tidak boleh diteruskan.

Katanya, jika benar terdapat bantahan orang awam sepatutnya ia berlaku dalam tempoh tiga bulan selepas rumah kucing yang dibangunkan di situ siap tahun lalu.

Tapi tiada bantahan awam berlaku mahupun kain rentang dipasang. Malah saya terima respon positif tentang taman rekreasi ini dari empat Facebook milik saya. Alasan ini sangat meragukan, katanya.

Terdahulu, Jamil bersama Setiausaha Otai Reformis, Abdul Razak Ismail menyerahkan memorandum berhubung isu itu kepada Speaker DUN Selangor, Ng Sze Lim.

Jamil berkata, usahanya memanjangkan perkara itu kepada Exco, Ng Sze Han pada Oktober tahun lalu juga menemui jalan buntu.